CHIN TET SENG

lwn.

CHONG FOO YOONG

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
TEE AH SING H
[RAYUAN CIVIL NO: 12-110-2000]
28 MAC 2001

PROSEDUR SIVIL: *Rayuan - Notis rayuan - Persoalan undang-undang tidak dinyatakan - Nilai isi perkara tidak melebihi RM10,000 - Keperluan kepada catatan perincian atas soalan undang-undang dalam notis rayuan - Samada mandatori - Samada rayuan boleh dibenarkan - Akta Mahkamah Kehakiman 1964, s. 28(1)*

Dalam rayuan ini perayu telah membuat suatu notis permohonan untuk suatu perintah bahawa satu kajian semula dibuat atas keputusan Mahkamah Sesyen atas penghakiman untuk kos yang telah diluluskan. Sebelum pendengaran rayuan bermula, responden telah membangkitkan bantahan awal iaitu: (i) notis rayuan tidak menyatakan bahawa rayuan ini adalah mengenai isu undang-undang; (ii) notis rayuan tidak mematuhi keperluan mandatori s. 28(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 memandangkan bahawa ini adalah satu rayuan hanya mengenai kos yang tidak melebihi RM10,000.

Diputuskan:

[1] Seksyen 28(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 adalah terpakai dalam rayuan ini. Perayu tidak boleh merayu dalam kes ini kecuali jika dia boleh menunjukkan dia mempunyai soalan undang-undang untuk merayu.

[2] Butir-butir jelas mengenai soalan undang-undang adalah wajib dicatatkan dalam notis rayuan. Keperluan kepada catatan perincian atas soalan undang-undang dalam notis rayuan dalam rayuan ini yang melibatkan nilai isi perkara di bawah RM10,000 adalah mandatori.

[2b] Kegagalan mencatatkan perincian atas soalan undang-undang dalam notis rayuan yang difailkan oleh perayu adalah parah yang mengakibatkan notis rayuan sedemikian menjadi tidak sah.

[Bantahan awal dibenarkan; perayu dihalang daripada merayu.]

Kes-kes yang dirujuk:
Mohamad Safuan Wasidin & Anor v. Mohd Ridhuan Ahmad (an infant) [1994] 2 MLJ 187 ***(dirujuk)***

Sulaiman Mohamad v. Malayan Banking Bhd [1992] 2 MLJ 116 ***(dirujuk)***
Zain Azahari Zainal Abidin lwn. Wearne Brothers [1983] Sdn Bhd [1997] 2 CLJ 594 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Akta Mahkamah Kehakiman 1964, s. 28(1)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980, A. 48 kk. 35, 53

Bagi pihak perayu/defendan - KK Yeang; T/n Yeang & Co
Bagi pihak responden/plaintif - Suppiah; T/n Presgrave & Matthews

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Tee Ah Sing H:

Dalam rayuan ini perayu/defendan ('perayu') telah membuat suatu notis permohonan untuk memohon kepada Mahkamah Sesyen, Georgetown, Pulau Pinang untuk suatu perintah bahawa satu kajian semula dibuat atas keputusan Pendaftar Kanan, Mahkamah Sesyen, Georgetown atas penghakiman untuk kos bertarikh 14 Januari 2000 yang diluluskan.

Bantahan permulaan oleh plaintif/responden ('responden') tentang permohonan tersebut telah dibenarkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen pada 26 April 2000.

Sebelum pendengaran rayuan bermula, peguam responden telah membangkitkan bantahan awal iaitu:

1. Notis rayuan di ms. 45 dan 46 dalam rekod rayuan tidak menyatakan bahawa rayuan ini adalah mengenai isu undang-undang. Ini adalah kerana rayuan ini berkaitan dengan kos yang berjumlah RM8,755 seperti di ms. 42 dalam rekod rayuan.

2. Notis rayuan tidak mematuhi keperluan mandatori s. 28(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ("Akta tersebut") memandangkan bahawa ini adalah satu rayuan hanya mengenai kos dan kos itu tidak melebihi RM10,000.

3. Tiga kes telah dirujukkan iaitu *Sulaiman Mohamad v. Malayan Banking Bhd* [1992] 2 MLJ 116, *Zain Azahari Zainal Abidin lwn. Wearne Brothers [1983] Sdn. Bhd* [1997] 2 CLJ 594 dan *Mohamad Safuan Wasidin & Anor v. Mohd Ridhuan Ahmad (an infant)* [1994] 2 MLJ 187 untuk menyokong hujah-hujah beliau.

Manakala peguam bagi perayu telah berhujah bahawa ms. 35 dalam rekod rayuan memfokuskan kepada A. 48 k. 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 ("KMR"). Ini adalah isu undang-undang dan soal fakta mengenai rayuan

ini. Oleh kerana bantahan awal seperti dinyatakan di ms. 35 rekod rayuan, s. 28(1) Akta tersebut "does not disallow questions of law for appeal", maka nas-nas yang dirujuk oleh responden tidak terpakai.

Rayuan ini berdasarkan bantahan awal tentang applikasi A. 48 k. 53 KMR berhubung semakan. Di samping itu, Mahkamah Sesyen dibantu oleh A. 48 k. 35 KMR.

Sekarang saya meneliti bantahan awal yang telah dibangkitkan.

Seksyen 28(1) Akta tersebut menetapkan:

> (1) Subject to any other written law, no appeal shall lie to the High Court from a decision of a subordinate court in any civil cause or matter where the amount in dispute or the value of the subject-matter is ten thousand ringgit or less except on a question of law.

Dalam rayuan ini tidak dinafikan bahawa isi perkara yang berbangkit ialah tentang kos yang berjumlah RM8,755 iaitu suatu amaun yang kurang daripada RM10,000.

Apa yang dipertikaikan ialah samada rayuan ini melibatkan isu undang-undang.

Di dalam kes *Zain Azahari Zainal Abidin lwn. Wearne Brothers (supra)*, YA Nik Hashim H di ms. 598 berkata:

> Jika notis rayuan perayu dibandingkan dengan format Borang 140, jelas ternampak bahawa notis rayuan perayu tidak mengandungi butir-butir rayuan dengan terperinci. Tidak terdapat apa-apa butiran mengenai soalan undang-undang dicatat dalam notis rayuan itu. Tanpa sebutan perkara-perkara sedemikian, Mahkamah Tinggi, bertindak sebagai Mahkamah Rayuan, tidak dapat pastikan samada rayuan perayu melibatkan soalan undang-undang atau tidak. Beban untuk menunjukkan bahawa rayuan itu atas soalan undang-undang adalah terletak atas perayu dan beliau hendaklah menyatakan dengan jelas dalam Borang 140 apakah soalan undang-undang yang dia inginkan merayu. Y.A. Lamin H (beliau ketika itu, sekarang Presiden Mahkamah Rayuan) dalam *Sulaiman bin Mohamad v. Malayan Banking Bhd. CLJ* [1992] 2 MLJ 116 di ms. 119 berkata:
>
> > I am of the view that in the case of appellant intending to appeal on a question of law, the notice of appeal in Form 140 must state at least in general form the question or questions of law that he wishes to appeal on.
>
> Dalam kes ini, malangnya perayu telah gagal mencatatkan soalan-soalan undang -undang yang dia inginkan merayu dalam notis rayuannya. Apa yang beliau telah mencatatkan dalam notis rayuan ialah dia merayu terhadap keseluruhan keputusan Majistret. Pada hemat saya, catatan sedemikian tidak mencukupi dan

samar untuk menimbulkan soalan undang-undang. Seksyen 28(1) tidak membezakan pemakaiannya samada terhadap keputusan selepas perbicaraan penuh atau pun terhadap penghakiman terus. Soalan undang-undang hendaklah dicatatkan. Peguamcara pihak perayu seharusnya mengetahui apakah soalan undang-undang dalam kes yang hendak dirayukan, dan soalan-soalan tersebut hendaklah dinyatakan dalam notis rayuan. Jadi dalam penghakiman saya, butir-butir jelas mengenai soalan undang-undang adalah wajib dicatatkan dalam Borang 140 sebelum proviso di bawah s. 28(1) Akta terpakai. Keperluan kepada catatan perincian atas soalan undang-undang dalam notis rayuan (Borang 140) da1am rayuan yang melibatkan nilai isi perkara di bawah RM10,000 adalah mandatori. Kegagalan mematuhi kehendak Borang 140 adalah parah yang mengakibatkan notis rayuan sedemikian menjadi tidak sah. Pihak saya dengan hormatnya bersetuju dengan kata-kata Y.A. Abdul Malik Ishak JC (beliau ketika itu) dalam *Mohamad Safuan bin Wasidin & Anor. v. Mohd Ridhuan bin Ahmad (An Infant) (supra)* di ms. 192 yang berbunyi:

> In my judgment, in the case of an appellant intending to appeal from the decision of the subordinate Court where the quantum is less than RM10,000, the notice of appeal in Form 140 must state generally the question or questions of law that he wishes to appeal on. Any failure to conform to this basic statutory requirement would strike at the very core of the appeal and consequently would nullify the appeal.

Saya bersetuju sebulat suara berkenaan pendapat YA Nik Hashim H seperti di atas.

Saya memutuskan s. 28(1) Akta tersebut adalah terpakai dalam rayuan ini. Perayu tidak boleh merayu dalam kes ini kecuali jika dia boleh menunjukkan dia mempunyai soalan undang-undang untuk merayu.

Notis rayuan yang difailkan adalah seperti berikut:

> NOTIS RAYUAN
>
> AMBIL PERHATIAN bahawa Chong Foo Yoong Defendan/Perayu dinamakan yang tidak puas hati dengan keputusan Mahkamah Sesyen, Georgetown, Pulau Pinang yang diberikan pada 26hb. April 2000 merayu kepada Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang terhadap keseluruhan keputusan tersebut yang memutuskan bahawa bantahan permulaan Plaintif dibenarkan terhadap permohonan Defendan untuk kajian semula kos.

Jadi, dalam penghakiman saya, butir-butir jelas mengenai soalan undang-undang adalah wajib dicatatkan dalam notis rayuan. Keperluan kepada catatan perincian atas soalan undang-undang dalam notis rayuan dalam rayuan ini yang melibatkan nilai isi perkara di bawah RM10,000 adalah mandatori.

Saya berpendapat bahawa tidak terdapat apa-apa butiran mengenai soalan undang-undang dicatat dalam notis rayuan yang difailkan oleh perayu.

Kegagalan mencatatkan perincian atas soalan undang-undang dalam notis rayuan yang difailkan oleh perayu adalah parah yang mengakibatkan notis rayuan sedemikian menjadi tidak sah. (Sila lihat kes *Zain Azahari Zainal Abidin lwn. Wearne Brothers [1983] Sdn. Bhd (supra)*).

Maka dengan alasan-alasan tersebut di atas, saya bersetuju dan menerima bantahan awal pihak responden dan menurut s. 28(1) Akta tersebut, perayu dihalang merayu dalam rayuan ini dan oleh itu rayuannya dibatalkan dengan kos kepada responden.